

21/01/2003

150,000 sudah sertai seminar pemikiran Islam

KUALA LUMPUR: Kira-kira 150,000 peserta sudah menyertai 70 siri Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari sejak dimulakan September tahun lalu, dalam usaha mencetuskan kesedaran di kalangan masyarakat untuk berganding bahu ke arah kemajuan umat Islam di negara ini.

Siri seminar yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 17 September tahun lalu.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapha Mohamed, berkata Malaysia adalah model bagi negara Islam lain terutama dalam bidang ekonomi dan pembangunan negara.

"Malaysia adalah sebuah negara Islam yang berjaya. Banyak negara yang mahu menjadikan negara ini sebagai contoh," katanya pada sidang akhbar Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri, di sini, semalam.

Kira-kira 1,567 peserta daripada pelbagai agensi swasta dan kerajaan termasuk Jabatan Penjara, Kementerian Pendidikan, Telekom, Bank Simpanan Nasional dan Petronas menyertai seminar itu.